

**NO. SOALAN : 6**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' MASIR KUJAT [ SRI AMAN ]**

**TARIKH : 12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 6**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah pemberian sekolah-sekolah daif di Parlimen Sri Aman akan bermula. Berapa buah sekolah rendah yang terlibat dan dikategorikan sebagai sekolah daif.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian sentiasa komited dalam memastikan penyediaan infrastruktur yang kondusif bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran tanpa mengira lokasi sekolah.

Di kawasan Parlimen Sri Aman khususnya, pelaksanaan naik taraf dan pembangunan semula sekolah daif melibatkan dua (2) buah sekolah daif iaitu SK Selepong dan SK Ng Skrang dengan kos projek berjumlah RM35.8 juta melalui peruntukan pembangunan dan *Private Finance Initiative (PFI)*. Status fizikal bagi kedua-dua sekolah tersebut adalah 100 peratus siap fizikal dengan melibatkan skop pembinaan bilik darjah, asrama, tandas dan bilik khas. Kedua-dua buah sekolah yang terlibat dalam pembangunan semula dan naik taraf ini adalah sekolah rendah yang dikategorikan sebagai sekolah daif.

Manakala, pelaksanaan pembangunan semula dan naik taraf sekolah daif yang diluluskan di dalam Belanjawan 2020 di Parlimen Sri Aman meliputi sebuah sekolah menengah dan sebuah sekolah rendah iaitu SMK Balai Ringin dan SK Melugu dengan anggaran kos projek berjumlah RM40 juta melalui peruntukan pembangunan. Skop pelaksanaan bagi projek ini merangkumi pembinaan bilik darjah, asrama, dewan makan, rumah guru dan bilik sains. Projek-projek ini dilaksanakan sepenuhnya oleh Jabatan Kerja Raya dan sedang dalam peringkat perolehan.

Sekian, terima kasih.